

Polis patahkan sindiket dadah terbesar di Perlis

KANGAR: Polis Perlis mematahkan sindiket dadah terbesar di negeri ini selepas menahan tiga lelaki termasuk dua beranak dalam serbuan di sebuah rumah di Felda Rimba Emas, Padang Besar semalam.

Dalam serbuan pukul 12.15 pagi itu, polis merampas 126 kilogram syabu dan 100 kilogram ganja yang kesemuanya dianggarkan bernilai RM6.58 juta.

Dua beranak ditahan membabitkan lelaki berusia 43 tahun dan 16 tahun. Seorang lagi ditahan, rakan kepada anak lelaki itu juga remaja berusia 16 tahun.

Rumah diserbu adalah tempat transit sebelum barang terlarang tersebut dipasarkan ke selatan tanah air.

Penahanan pertama melibatkan dua remaja tersebut yang sedang memunggah dadah di dalam rumah manakala dalangnya pula ditahan ketika pulang ke kediaman itu antara pukul 12.15 tengah malam dan 2.45 pagi.

Ketua Polis negeri, Datuk Surina Saad berkata, polis menemukan bungkusan plastik jena-ma teh berwarna hijau disyaki berisi syabu serta ketulan mam-pat tumbuhan kering disyaki ganja yang masing-masing se-berat satu kilogram sebungkus.



SURINA Saad bersama pegawainya menunjukkan bungkusan teh hijau berisi syabu dan ketulan ganja di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kangar, Perlis, semalam. - UTUSAN/NUR NAZLINA NADZARI

“Kesemua suspek yang men-ganggur itu tiada rekod je-nayah dan ujian saringan air kencing mendapati mereka positif syabu.

“Dadah ini dipercayai diba-wa masuk dari negara jiran dan kami sedang menyelidik bagaimana ia boleh dibawa ma-suk ke negara ini,” katanya di

Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kangar di sini semalam.

Beliau berkata, ketiga-ti-ga suspek direman selama tujuh hari sehingga 8 Sep-



Dua beranak ditahan membabitkan lelaki berusia 43 tahun dan 16 tahun. Seorang lagi ditahan, rakan kepada anak lelaki itu juga remaja berusia 16 tahun.”

SURINA SAAD

tember ini untuk siasatan lanjut dan di siasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 15(1)(a) akta yang sama.

Polis turut mengambil tinda-kan di bawah Akta Dadah Berba-haya (Pelucutan Harta) 1988 ke atas rumah suspek kerana digunakan sebagai tempat me-nyimpan dan mengedar dadah.